



BULETIN NADI HAYAT



YBrs. Dr. G. Mohan
A/L A. Gopal Naidoo
Pengarah Hospital
Hospital Tuaran

Terima kasih kepada semua pembaca yang budiman. Semoga anda mendapat manfaat daripada buletin yang disediakan ini. Tidak dilupakan kepada barisan sidang redaksi yang bertungkus lumus untuk menyediakan buletin ini. Semoga buletin akan dapat terus diterbitkan lagi pada masa akan datang.

LAWATAN KERJA RASMI KETUA MENTERI SABAH KE PUSAT PEMBERIAN VAKSIN HOSPITAL TUARAN

YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Noor telah membuat Lawatan Kerja Rasmi ke Pusat Pemberian Vaksin Hospital Tuaran. Lawatan rasmi ini merupakan yang pertama beliau selaku Ketua Menteri Sabah. Lawatan ini telah diadakan pada 21 Ogos 2021 turut disertai oleh YB Datuk Jahid Jahim (Menteri Pembangunan Luar Bandar Sabah), YB Datuk Joniston Bangkuai (Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah) dan YB Jasnih Daya (Pembantu Menteri Kewangan Sabah) dimana ke semua mereka merupakan ADUN Tuaran. Selain melakukan lawatan ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Hospital Tuaran, YAB Ketua Menteri turut merasmikan Taman Terapeutik Mesra Alam yang terletak di laluan masuk hospital. YAB Ketua Menteri juga telah menyaksikan suntikan vaksin secara pandu-lalu kepada pesakit warga tua. Turut hadir bersama adalah Ybgh. Datuk Dr. Rose Nani Mudin (Pengarah Kesihatan Negeri Sabah), Ybgh. Datuk Dr. G. Mohan a/l A. Gopal Naisoo (Pengarah Hospital Tuaran), Ybgs. Dr. Noraziah Bakri (Pegawai Kesihatan Kawasan Tuaran), Ybgh. Datuk Hj. Ag. Buthamam Ag. Mahmum (KPE Sedafiat Sdn. Bhd.) dan Tn. Sadan Hj. Hussain (Pegawai Daerah Tuaran).

Badan Redaksi Nadi Hayat

Dr. Maegyvear Pimid
Chan Yen Mii
David Dominicus
Jack Richie Lee
Jessica Yampai
Lynceia Bonar
Bartholemew G. Lee
Normie E. Surin
Clarice Jariman
Ag. Ramlan Ag. Murshid
Nooraini Armando
Fredolin Andrew Sipail
Ricaldo Geonan Majutin



Persijilan Kualiti Hospital Tuaran



HOSPITAL TUARAN

Peti Surat 996, 89207 Tuaran, Sabah
088-788224 / 088-797100
088-788167
<http://htuaran.moh.gov.my>
@hospitaltuaran

Action is the foundational key to all success.
Pablo Picasso

LAWATAN KERJA PENGARAH KESIHATAN NEGERI SABAH KE PUSAT PEMBERIAN VAKSIN HOSPITAL TUARAN

Buat julung kalinya, Ybhg. Datuk Dr. Rose Nani Mudin, Pengarah Kesihatan Negeri Sabah yang baru telah membuat lawatan kerja ke Hospital Tuaran. Tujuan utama lawatan kerja ini adalah untuk melihat pelaksanaan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Hospital Tuaran yang telah bermula sejak Mac 2021. Ybhg. Datuk Dr. Rose telah diberi taklimat berkaitan hospital oleh Pengarah Hospital Tuaran, Ybhg. Datuk Dr. G. Mohan a/l A. Gopal Naidoo. Dalam kesempatan lawatan kerja ini juga, Ybhg. Datuk Dr. Rose telah menanam pokok kenangan dan melawat Taman Terapeutik Mesra Alam. Melalui lawatan kerja ini, Ybhg. Datuk Dr. Rose memberi penghargaan kepada seluruh warga Hospital Tuaran di atas perkhidmatan yang terbaik kepada bukan sahaja kepada penduduk Tuaran malah daerah sekitarnya. Ybhg. Datuk Dr. G. Mohan dan seluruh warga Hospital Tuaran mengucapkan selamat datang ke JKN Sabah kepada Ybhg. Datuk Dr. Rose Nani Mudin.



1 JAM SEBELUM Ujian Saringan Air Liur


Jangan makan dan minum

Elakkan bersuap gigi atau berkumur dengan pencuci mulut/ air garam

Jangan Merokok dan vape

Jangan Kunyah gula-gula getah

kumur dengan air kosong untuk mengeluarkan sisa makanan dan minuman (kopi)



Public Health Malaysia

FAKTA MENARIK TENTANG DARAH

WebMD



Jantung mengepam darah sehingga 5.6 liter dalam seminit



O-positif merupakan darah paling banyak



Darah O-negatif merupakan penderma universal



AB-negatif merupakan darah paling kurang



Darah menambah 8% berat badan



Orang dewasa memiliki purata 10 pint darah



Plasma merupakan sebahagian cecair darah

PERKHIDMATAN PESAKIT LUAR

BULAN	JUMLAH (PURATA)
JULAI	6,464
OGOS	4,888
SEPTEMBER	5,095
JUMLAH	16,447

BANCIAN PESAKIT DALAM

WAD	JULAI	OGOS	SEPTEMBER
PEREMPUAN (UNISEKS)	78.23%	(94.20%)	(120.60%)
LELAKI (COVID-19)	85.65%	(93.70%)	(112.20%)
BERSALIN	47.98%	48.99%	47.40%
PEDIATRIK	42.80%	42.05%	38.30%
PKRC INTAN	-	83.29%	126.86%

BILANGAN IBU BERSALIN

BULAN	JUMLAH
JULAI	76
OGOS	77
SEPTEMBER	72
JUMLAH	225

KENALI BAHASA TEMPATAN

TINIMBU' | PORRIDGE | BUBUR

Minagansak zou tinimbu' manuk.

I made chicken porridge.

Saya masak bubur ayam.

@komuhakan

KEMPEN DERMA DARAH

BULAN	LOKASI	DARAH	PINT
JULAI	2	149	
OGOS	2	57	
SEPTEMBER	3	99	
JUMLAH	7	305	

Sumber: En. Muhd. Syahmi, Peg. Sains, Unit Transfusi Darah

Quick decisions are unsafe decisions.
Sophocles

PROGRAM DERMA DARAH

Ketersediaan stok darah amatlah penting dalam bidang perubatan terutamanya ketika berlaku kecemasan. Semasa pandemik dimana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan di seluruh negara menghadkan penderma ke hospital dan kempen derma darah diadakan di lokasi awam untuk menambah stok darah. Sebagai langkah untuk memastikan ketersediaan stok darah, Unit Transfusi Darah, Hospital Tuaran telah mengadakan satu Program Derma Darah Hospital Tuaran bersama Badan Bukan Kerajaan (NGO) Daerah Tuaran yang telah disempurnakan oleh Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Hajah Julia Salag, isteri Ketua Menteri Sabah pada 11 Julai 2021. Program ini telah berjaya mengumpul 89 pint darah daripada 104 penderma.



SUMBANGAN LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA KEPADA BARISAN HADAPAN

Sebagai salah satu langkah menghargai jasa barisan hadapan semasa pandemik, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah mengagihkan sebanyak 650kg ikan beku kepada warga kerja Hospital Tuaran termasuklah staf Sedafiat dan kawalan keselamatan. Pengarah LKIM Sabah, Ybrs. Sundralingam a/l Nagaiah telah menyampaikan sumbangan ini kepada Ybhg. Datuk Dr. G. Mohan, Pengarah Hospital Tuaran yang turut dihadiri oleh Ybhg. Datuk Ag. Buhtamam, CEO Sedafiat Sdn. Bhd. pada 27 September 2021.



LAWATAN PEGAWAI TERTINGGI PERKHIDMATAN AWAM KE PKRC INTAN

Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) INTAN Kampus Sabah merupakan PKRC dibawah seliaan Hospital Tuaran. PKRC INTAN telahpun ditutup setelah memberi perkhidmatan dari 8 Oktober 2020 sehingga 6 April 2021 dengan seramai 3,740 telah dirawat sepanjang tempoh itu. Namun bermula pada 3 Ogos 2021, situasi jangkitan Covid-19 di Tuaran yang di luar jangkaan menyebabkan pembukaan semula PKRC ini. Sehingga 30 September 2021, seramai 2,515 pesakit telah menerima rawatan disini. Pembukaan kali kedua PKRC INTAN telah menerima dua lawatan daripada Pegawai Tertinggi Perkhidmatan Awam iaitu daripada Setiausaha Persekutuan Sabah, Ybhg. Dato' Dr. Zulkapli bin Mohamed pada 17 Ogos 2021 dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ybhg. Tan Sri Mohd. Khairul Adib bin Abd. Rahman pada 15 September 2021. Kedua-dua lawatan ini secara tidak langsung memberikan impak yang positif kepada para petugas hadapan untuk lebih cemerlang dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik dan kedua-dua Pegawai Tertinggi amat berpuas hati bukan sahaja dengan perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit malah kemudahan yang tersedia kepada pesakit.

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM



SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SABAH



PERKHIDMATAN BUGGY
CSR RASARIA RESORT

ALBUM HOSPITAL TUARAN



Pemberian Vaksin kepada Persatuan Orang Buta Sabah (Tuaran)
14 Julai 2021



Pemasangan Khemah bagi Rawatan Jabatan Kecemasan
27 Ogos 2021



Lawatan daripada Hospital Angkatan Tentera Wilayah KK
04 Ogos 2021



Taklimat kepada RELA sebagai Kawalan Keselamatan Hospital
1 September 2021



Perbincangan persediaan Pembukaan Wad Covid-19 Hospital Tuaran
05 Ogos 2021



Sambutan Ulangtahun ke-5 Hospital Tuaran Fasa II
17 September 2021



Pemasangan bendera sempena Bulan Kebangsaan
18 Ogos 2021



Tambahbaik Jabatan Kecemasan bagi Rawatan pesakit Covid-19
24 September 2021